

Kerajaan giat majukan bioteknologi tempatan

Um - 8/12/2008

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Kerajaan akan menyertai pelbagai persidangan dan pameran bioteknologi di peringkat antarabangsa secara lebih aktif dalam usaha untuk meningkatkan industri bioteknologi tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, melalui cara itu, industri bioteknologi tempatan akan lebih berdaya saing dan mampu menembusi pasaran global.

"Sebagai permulaan, kita akan menyertai pameran bioteknologi di Boston, Amerika Syarikat pada bulan Mei tahun depan.

"Saya sendiri akan cuba meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk berada di sana bagi memberikan sokongan moral," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan para peserta dan delegasi Bio Malaysia

Sebagai permulaan, kita akan menyertai pameran bioteknologi di Boston, Amerika Syarikat pada bulan Mei tahun depan

2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini malam ini.


Bio Malaysia 2006 dianjurkan bersama oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Malaysian Biotechnology Corporation dan Pertubuhan Bioindustri Malaysia.

Pameran tersebut merupakan tempat bagi mewujudkan jaringan, rangkaian pemasaran dan perkongsian maklumat terbesar untuk industri bioteknologi negara.

Bio Malaysia 2006 yang berlangsung selama tiga hari akan berakhir esok.

Menurut Jamaludin, kerajaan ju-

JAMALUDIN JARJIS
Menteri Sains,
Teknologi dan
Inovasi



ga akan menyediakan sedikit peruntukan bagi membantu syarikat atau organisasi tempatan yang kurang berkemampuan tetapi berminat untuk menyertai pameran di luar negara.

Mengulas mengenai penganjuran Bio Malaysia 2006, beliau memberitahu, lebih 2,500 pengunjung dan peserta terlibat dalam pameran berkenaan sejak semalam.

Jelasnya, sambutan menggalakkan itu merupakan petanda baik bahawa industri bioteknologi di negara ini berpotensi untuk berkembang lebih meluas.